



TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI DR. NORAINI AHMAD
MENTERI PENGAJIAN TINGGI**

SEMPENA

**MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM
PERSEFAHAMAN (Mou) DI ANTARA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (Uitm)
DENGAN SURUHANJAYA PILIHAN RAYA
MALAYSIA (SPR)
DAN PELANCARAN BUKU LAPORAN KAJIAN
PEMBENTUKAN DNA Uitm**

**27 JANUARI 2022 (KHAMIS)
10.00 PAGI
DEWAN ANJUNG BUDIMAN
UiTM SHAH ALAM**

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis.

Yang Berbahagia Datuk Abdul Ghani Salleh,

Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR);

Yang Berbahagia Profesor Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd. Janor,

Naib Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM);

Pegawai-pegawai kanan UiTM, hadirin hadirat yang dihormati seterusnya para pelajar yang dikasihi sekalian.

PEMBUKA BICARA

1. Alhamdulillah dengan izin-Nya kita dapat bersama-sama dalam Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) dan Pelancaran Buku Laporan Pembentukan Kajian DNA UiTM pada hari ini.

2. Terlebih dahulu, tahniah saya ucapkan kepada pihak UiTM atas usaha menggarap kerjasama dengan pihak SPR yang dapat mengukuhkan dan melebar luas lagi fungsi sedia ada bagi manfaat kedua-dua belah pihak.

3. Dalam ucapan amanat tahun baharu pada 17 Januari 2022 yang lalu, saya telah kongsiakan tujuh (7) strategi di bawah **Rangka Tindakan Kesejahteraan Pendidikan Tinggi atau Sejahtera IPT**, iaitu: **“Mengukuhkan Ekosistem Kampus Yang Selamat”**; **“Memperkuh Kebolehpasaran Graduan”**; **“Memperkasakan Agenda Pendigitalan”**; **“Memantapkan Jaringan Kolaborasi Strategik”**; **“Memacu Kesejahteraan Komuniti”**; **“Mempersada Kecemerlangan Institusi”**; dan **“Menyemarak Semangat #KPTPRIHATIN”**.

4. Saya tidak berhasrat untuk mengulangi kembali perincian strategi-strategi tersebut. Namun saya mohon supaya pihak UiTM untuk menjajarkan program yang boleh dilaksanakan di peringkat universiti dengan strategi di bawah Sejahtera IPT ini. Program pada hari ini sendiri, adalah manifestasi dua strategi iaitu **“Memantapkan Jaringan Kolaborasi Strategik”** dan **“Memacu Kesejahteraan Komuniti”**.

5. Dalam ucapan tersebut juga, saya telah meminta supaya diperbanyakkan program-program bersifat turun padang,

program *touch-point* rakyat dengan KPT dan sesi libat urus bagi mendengar idea, pandangan dan memberi kesedaran terutamanya berkaitan literasi politik berhubung pelaksanaan **Undi18** kepada pelajar-pelajar IPT. Jadi tahniah saya ucapkan kepada pengurusan UiTM yang menjadi antara yang terawal menyahut aspirasi yang saya utarakan dengan pelaksanaan program pada hari ini.

PELAKSANAAN UNDI18

Hadirin yang saya hormati sekalian,

6. Pada 16 Julai 2021, Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang (RUU) Perlembagaan (Pindaan) 2019 yang menurunkan had umur mengundi, pendaftaran pengundi automatik, dan menurunkan umur calon bertanding pilihan raya kepada 18 tahun. Ini meletakkan Malaysia sebaris dengan negara-negara maju lain seperti United Kingdom, Amerika Syarikat, Perancis, Jerman, Kanada, Australia, Jepun dan beberapa buah negara lain yang lebih awal menurunkan had umur layak mengundi kepada 17 atau 18 tahun.

7. Dengan perubahan ini, negara akan menyaksikan pertambahan mendadak jumlah pengundi kepada hampir 23 juta orang berbanding hanya sekitar 15 juta orang pada PRU14

sebelumnya. Pertambahan sekitar 30 peratus pengundi baharu yang akan mengundi kali pertama ini berpotensi besar merubah senario politik sedia ada dalam negara pasca PRU15 nanti.

8. Dalam konteks pengajian tinggi, apabila Undi18 ini dilaksanakan, seramai 452,559 orang atau 38 peratus daripada 1.2 juta pelajar IPT, merupakan pelajar yang berumur antara 18 hingga 20 tahun, yang berada di bawah kawal selia KPT. Jumlah ini mempunyai pengaruh besar bagi mencorak keputusan pilihan raya umum akan datang.

9. Maka KPT mempunyai peranan untuk menyediakan pelajar IPT yang matang dan berketerampilan dalam sudut pandang politik. Pelajar IPT perlu diterapkan pemikiran dan pemahaman yang benar tentang literatur politik negara, termasuk menyediakan mereka sebagai pelapis kepimpinan negara. Bahkan dengan pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) pada tahun 2019 yang membuang Seksyen 15(2)(c), pelajar sewajarnya dibimbing untuk berpolitik di kampus sebagai praktikal terbaik sebelum mereka keluar ke medan masyarakat.

10. Dalam laporan interim Kajian Memprofil Literasi Politik Pelajar IPTA yang dilaksanakan oleh KPT pada tahun lepas, dapatan kajian menunjukkan kelemahan literasi politik dalam kalangan pelajar bukan disebabkan kelemahan dasar dan akta,

tetapi lebih tertumpu kepada elemen nilai iaitu penghayatan dan pelaksanaan dasar dan akta sedia ada di pelbagai peringkat.

11. Justeru, KPT telah menjalin kerjasama dengan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan yang berkaitan, bagi memberi pendedahan dan meningkatkan kesedaran kepada generasi muda terutamanya mahasiswa sebagai persediaan mereka untuk menjadi pengundi. Ini termasuklah kerjasama dengan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional melalui pelbagai kegiatan berteraskan pengamalan Rukun Negara serta Jabatan Penerangan bagi melaksanakan aktiviti patriotisme menerusi Kelab Rukun Negara di universiti.

KERJASAMA STRATEGIK UiTM-SPR

Saudara-saudari sekalian,

12. Seperti yang kita sedia maklum, UiTM adalah salah sebuah institusi terbesar di Malaysia dengan kapasiti seramai 185,400 orang pelajar di seluruh negara. Daripada jumlah itu, seramai 85,201 orang mewakili 46 peratus berusia antara 18 hingga 20 tahun yang akan terlibat dengan pelaksanaan Undi18 nanti. Jumlah ini mewakili hampir 19 peratus daripada jumlah keseluruhan pelajar yang terlibat dengan Undi18 di semua IPT di bawah seliaan KPT.

13. Justeru, jalinan kerjasama antara UiTM dan SPR ini saya lihat sebagai satu langkah proaktif UiTM sebagai perintis kepada projek KPT bagi Program Kesedaran Pendidikan Pengundi dalam kalangan mahasiswa. Syabas dan tahniah kepada UiTM atas usaha ini! Seharusnya, program pendidikan kesedaran pengundi ini diperluaskan lagi ke IPT yang lain untuk cakupan ruang lingkup yang lebih luas.

14. Malah saya percaya dengan usaha berterusan dan kerjasama yang dilaksanakan dapat memberi pendedahan dan mempersiapkan mahasiswa dalam mengetahui hak serta tanggungjawab mereka sebagai pengundi dalam menentukan masa hadapan negara, malah bagi mempersiapkan mereka sebagai barisan pelapis kepimpinan negara kelak.

PELANCARAN BUKU LAPORAN KAJIAN PEMBENTUKAN DNA UiTM

Tuan-tuan dan Puan-puan,

15. Pada hari ini juga saya ingin menzahirkan ucapan tahniah kepada sepasukan penyelidik daripada UiTM diketuai oleh Profesor Dr Amer Shakir bin Zainol, atas penghasilan naskhah buku Laporan Kajian Pembentukan DNA UiTM yang akan dilancarkan pada hari ini.

16. Saya tertarik dengan istilah DNA yang digunakan sebagai metafora bagi menggambarkan elemen jati diri dan semangat cintakan negara yang ingin dibentuk dan diterapkan dalam jiwa pelajar-pelajar di UiTM. DNA ini diharapkan dapat terus mengalir kepada generasi anak muda kini dan mereka dapat memahami aspirasi universiti beracukan identiti dan jati diri UiTM ini sendiri.

17. Saya difahamkan bahawa Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) UiTM pula telah membangunkan modul yang dinamakan modul Program Aspirasi DNA UiTM atau singkatannya, PADU. Baru-baru ini, program berteraskan modul PADU ini telah dijalankan di Pusat Latihan UiTM Kg. Gajah, Perak bersama barisan 'Master Trainer' dan akan dikembangkan untuk dilaksanakan di cawangan dan kampus UiTM di seluruh Malaysia.

PENUTUP BICARA

Hadiran hadirat serta para pelajar yang saya kasihi sekalian,

18. Saya berharap Program Pendidikan Pengundi Mahasiswa ini akan terus diperkasa sebagai salah satu daripada agenda universiti agar perancangannya lebih kemas dan terancang, selaras dengan aspirasi dan pelaksanaannya di peringkat nasional. Perkara ini penting untuk melahirkan graduan yang

kompeten dan berketerampilan dalam sudut pandang politik, sekaligus bakal memberi manfaat berganda kepada negara sama ada sebagai pengundi yang matang, atau sebagai pelapis kepimpinan yang berkualiti tinggi.

19. Saya sedar bahawa untuk mencapai matlamat ini bukanlah sesuatu yang mudah seperti memburu di padang yang datar. Namun, jika kita semua berganding bahu, saling bekerjasama bantu membantu, ibarat ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni, saya percaya tiada yang mustahil untuk kita capai. Insya-Allah.

20. Sekali lagi, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya rakamkan khususnya kepada pihak UiTM, SPR dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis pada hari ini. Terima kasih atas komitmen dan usaha yang diberikan. Semoga persefahaman ini menjadi suatu titik mula ke arah pencapaian aspirasi bersama dalam pendidikan tinggi negara.

21. Akhir kata, dengan lafaz yang mulia, Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Teknologi MARA dengan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia dan Pelancaran Buku Laporan Kajian Pembentukan DNA UiTM.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

-----TAMAT-----